

Saya mohon Dr Mahathir tangguh lawatan ke China selepas insiden Memali – Musa Hitam
Astro Awani
4 April 2014

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam mengakui beliau memohon Dr Mahathir Mohamad yang juga Perdana Menteri ketika berlakunya insiden Memali supaya menangguhkan lawatan ke China selepas kejadian tersebut.

Musa berkata beliau memohon supaya Dr Mahathir menangguhkan lawatan tersebut atas tiga sebab iaitu ia melibatkan orang Melayu beragama Islam, insiden tersebut berlaku di Kedah; negeri Dr Mahathir dan dengan menangguhkan lawatan ke China Dr Mahathir memperlihatkan sifat ia mengutamakan dan mengambil berat terhadap peristiwa yang telah berlaku di dalam negeri.

"Dr Mahathir membuat keputusan untuk tetap berlepas ke negara China. Saya telah memaklumkan kepadanya cadangan saya untuk membentangkan peristiwa Memali di Parlimen.

"Di samping itu, saya turut meminta agar semua media, termasuk media luar negara memberi saya ruang 24 jam untuk membolehkan saya mendapat gambaran lebih tepat lagi lengkap.

"Saya telah membentangkan peristiwa Memali di Dewan Rakyat pada keesokan harinya (20 November 1985) dan selanjutnya mengadakan perjumpaan media," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam kenyataan itu, Musa turut menjelaskan beliau bersama Ketua Polis Negara (KPN) pada 19 November 1985 telah memberikan taklimat kepada Dr Mahathir tentang perkara yang berlaku berikutan operasi polis di Memali yang melibatkan kematian empat anggota polis dan 14 orang awam.

Musa membuat penjelasan itu berikutan polemik yang timbul setelah beliau dalam satu diskusi yang diadakan di Kota Bharu baru-baru ini mendedahkan Dr Mahathir berada di Kuala Lumpur dan dua tiga hari selepas insiden itu berlaku.

Bagaimanapun, dalam kenyataannya itu, Musa tidak menyatakan Dr Mahathir berada di Kuala Lumpur dua tiga hari selepas insiden Memali.

Selepas pendedahan yang dibuat Musa di Kota Bharu, portal The Rakyat Post dalam laporannya mengesahkan Dr Mahathir telah ke **China** mengetuai delegasi lawatan pada 20 November 1985.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/saya-mohon-dr-mahathir-tanggung-lawatan-ke-china-selepas-insiden-memali-musa-hitam-33194?cp>